PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) 2026

KALI KE-47

PERATURAN PERTANDINGAN

ACARA SUKAN:

DART

1. PENGENALAN

1.1. Nama Pertandingan

1.1.1. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Dart Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) yang dikelolakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

1.2. Kategori Pertandingan

1.2.1. Pertandingan Dart PSKK 2026 dipertandingkan dalam lima (5) kategori seperti berikut:

No.	Kategori
1.	Perseorangan Lelaki (L) Kategori Terbuka
2.	Foursome Lelaki (L) Kategori Terbuka
3.	Beregu Lelaki (L) Kategori Terbuka
4.	Beregu Lelaki (L) Kategori Veteran/Pegawai
5.	Beregu Campuran (C)

2. PERATURAN UMUM

2.1. Selain daripada peraturan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026 dan Undang-undang *World Darts Federation* (WDF) yang sedang berkuat kuasa.

2.2. Sekiranya terdapat percanggahan antara Peraturan Pertandingan ini dengan Peraturan Am PSKK 2026, maka Peraturan Am PSKK 2026 hendaklah diguna pakai.

2.3. Sekiranya berlaku percanggahan tafsiran antara versi Bahasa Malaysia dengan mana-mana peraturan rasmi *World Darts Federation* (WDF), teks asal yang diterbitkan oleh WDF hendaklah dirujuk bagi tujuan tafsiran teknikal.

2.4. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira **Peraturan Am PSKK 2026 dan Undang-undang *World Darts Federation* (WDF)** yang sedang berkuat kuasa.

3. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

3.1. Tarikh dan tempat pertandingan **Dart PSKK 2026** adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 seperti berikut:

Tarikh	20 hingga 22 November 2026 (Jumaat - Ahad)
Tempat	SUK Banquet, Dewan Jubli Perak, Selangor

3.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa, tempat atau jadual pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

4.1. Setiap agensi yang menyertai acara ini hendaklah mendaftarkan penyertaan bagi semua kategori yang dipertandingkan di bawah acara tersebut. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan penyertaan agensi berkenaan ditolak atau dibatalkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

4.2. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan bilangan pemain mengikut syarat penyertaan bagi setiap acara sukan. Bilangan pemain, pemain simpanan, Pengurus Pasukan dan Jurulatih yang dibenarkan adalah seperti yang diperincikan dalam jadual bagi setiap acara (Perkara 3.0 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47, 2026).

No.	Kategori	Pemain	Simpanan	Pengurus	Jurulatih
1.	Perseorangan Lelaki (L) Kategori Terbuka	1	Tiada simpanan	1	1
2.	Foursome Lelaki (L) Kategori Terbuka	4	2 Lelaki 1 Wanita		
3.	Beregu Lelaki (L) Kategori Terbuka	2			
4.	Beregu Lelaki (L) Kategori Veteran/Pegawai	2			
5.	Beregu Campuran (C)	2			

4.3. Semua pemain hendaklah berdaftar dengan agensi masing-masing mengikut syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026.

4.4. Setiap pemain hanya dibenarkan berdaftar dan menyertai satu (1) kategori sahaja bagi setiap acara sukan yang dipertandingkan. Setiap kategori hendaklah disertai oleh pemain yang berbeza dan pemain yang sama tidak dibenarkan menyertai lebih daripada satu kategori dalam acara sukan yang sama.

4.5. Pasangan bagi kategori Beregu Lelaki (L) Kategori Veteran/Pegawai boleh terdiri daripada mana-mana kombinasi berikut:

4.5.1. Seorang pemain Veteran dan seorang pemain Pegawai;

4.5.2. Dua orang pemain Veteran; atau

4.5.3. Dua orang pemain Pegawai.

4.6. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.

4.7. Sebarang pendaftaran pemain yang diterima selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dipertimbangkan, melainkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

4.8. Sebarang permohonan pindaan pendaftaran pemain selepas tarikh tutup hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026.

5. FORMAT PERTANDINGAN

5.1. Format pertandingan hendaklah mengikut Perkara 11 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026), melainkan ditetapkan sebaliknya dalam Peraturan Pertandingan ini.

5.2. Mulai edisi PSKK 2026, pertandingan Dart akan dipertandingkan mengikut kategori secara **berasingan** sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

5.3. Tiga (3) agensi akan diberikan status pilihan *(seeded)* berdasarkan keputusan Divisyen 1 Pertandingan Dart PSKK Kali Ke-46 Tahun 2024 dan akan ditempatkan dalam kumpulan yang berbeza semasa undian peringkat kumpulan.

5.4. Umur pemain veteran adalah sebagaimana perkara 4.1.3 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026.

5.5. Semua jadual pertandingan adalah tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

5.6. *WALK-OVER* adalah tidak dibenarkan kecuali kerana kecederaan atau sebab lain tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengadil. Jika mana-mana pasukan memberi kemenangan *WALK-OVER,* kategori tersebut akan dimenangi oleh pihak lawan sama ada sebelum atau selepas permainan dimulakan.

5.7. Pengurus atau Ketua Pasukan hendaklah mengesahkan senarai pemain kepada Ketua Pengadil 30 minit sebelum setiap perlawanan bermula.

5.8. Pertukaran nama pemain selepas penyerahan senarai susunan permainan tidak akan dilayan.

5.9. Semua perlawanan hendaklah berjalan sebagaimana dijadualkan. Permohonan untuk penangguhan tidak akan dilayan kecuali atas sebab-sebab yang telah dinyatakan.

5.10. Format pertandingan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Kategori	**Format**
Dart Foursome (L) Kategori Terbuka	Liga & Kalah mati
Dart Perseorangan (L) Kategori Terbuka	Liga & Kalah mati
Dart Beregu (L) Kategori Terbuka	Liga & Kalah mati
Dart Beregu (L) Kategori Veteran/Pegawai	Liga & Kalah mati
Dart Beregu Campuran	Liga & Kalah mati

5.11. Peringkat awal pertandingan hendaklah dijalankan secara liga manakala peringkat seterusnya hendaklah dijalankan secara kalah mati mengikut format pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 serta Peraturan Am PSKK 2026.

5.12. Bagi pertandingan yang dijalankan secara liga, peserta atau pasangan yang memenangi sesuatu perlawanan akan diberikan tiga (3) mata, manakala peserta atau pasangan yang kalah tidak akan diberikan sebarang mata.

5.13. Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih peserta atau pasangan yang memperoleh jumlah mata yang sama selepas tamat peringkat liga, kedudukan akan ditentukan mengikut turutan berikut:

5.13.1. Perbezaan jumlah set menang bagi semua perlawanan.

5.13.2. Perbezaan jumlah set kalah bagi semua perlawanan.

5.13.3. Perbezaan jumlah *leg* menang bagi semua perlawanan.

5.13.4. Perbezaan jumlah *leg* kalah bagi semua perlawanan.

5.13.5. Keputusan perlawanan antara peserta atau pasangan yang terlibat.

6. PERALATAN

6.1. Pemain hendaklah menggunakan peralatan permainan yang bersesuaian dan mematuhi Undang-undang *World Darts Federation* (WDF).

6.2. Semua perlawanan hendaklah menggunakan papan dart, sasaran dart (*dartboard*) dan peralatan pertandingan yang disediakan atau diluluskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

6.3. Sebarang pengubahsuaian atau penggunaan peralatan yang tidak mematuhi spesifikasi pertandingan adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

6.4. Sebarang kerosakan atau kegagalan fungsi terhadap papan dart atau peralatan pertandingan hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Pengadil atau Pegawai Teknikal sebelum atau semasa perlawanan berlangsung.

7. WAKTU PERLAWANAN DAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN

7.1. Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

7.2. Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada pegawai pertandingan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum waktu perlawanan yang dijadualkan.

7.3. Mana-mana pemain atau pasukan yang gagal melaporkan diri mengikut masa yang ditetapkan boleh dianggap gagal hadir dan tindakan lanjut hendaklah diambil mengikut Peraturan Pertandingan ini serta keputusan Ketua Pengadil.

7.4. Semua pasukan hendaklah bersedia untuk memulakan perlawanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak memulakan perlawanan lebih awal atau lewat daripada jadual yang ditetapkan sekiranya keadaan memerlukan.

7.5. Sekiranya sesuatu perlawanan tidak dapat diteruskan akibat kegagalan hadir atau sebab-sebab lain yang dibenarkan di bawah Peraturan Pertandingan ini, keputusan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengadil.

7.6. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau menjadualkan semula sesuatu perlawanan sekiranya berlaku keadaan yang boleh menjejaskan kelancaran atau keselamatan pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan peralatan, gangguan teknikal, bencana, cuaca, arahan pihak berkuasa atau keadaan luar jangka yang lain.

7.7. Sebarang perubahan terhadap jadual pertandingan hendaklah dimaklumkan kepada semua agensi secepat mungkin.

8. PEGAWAI TEKNIKAL

8.1. Semua Pegawai Teknikal pertandingan hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

8.2. Pegawai Teknikal hendaklah menjalankan tugas mengikut Undang-undang *World Darts Federation* (WDF) yang sedang berkuat kuasa serta Peraturan Am PSKK 2026.

8.3. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi arahan serta keputusan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.

8.4. Keputusan Pegawai Teknikal berkaitan pengendalian sesuatu perlawanan adalah muktamad, tertakluk kepada peruntukan rayuan yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026, jika berkenaan.

9. SISTEM PERTANDINGAN DAN PERATURAN TEKNIKAL

9.1. Permainan Perseorangan dan Beregu hendaklah dimulakan dengan kiraan 501 *Straight Start* dan diakhiri dengan *Double Finish*. Bagi permainan Foursome, permainan hendaklah dimulakan dengan kiraan 1001 *Straight Start* dan diakhiri dengan *Double Finish*.

9.2. Semua pertandingan hendaklah dimainkan mengikut format pertandingan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

9.3. Format permainan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Kategori	Format Pertandingan
Dart Perseorangan (L) Kategori Terbuka	501 *Straight Start, Double Finish* (*Best of 3 Legs*)
Dart Foursome (L) Kategori Terbuka	1001 *Straight Start, Double Finish* 1 *Leg*)
Dart Beregu (L) Kategori Terbuka	501 *Straight Start, Double Finish* (*Best of 3 Legs*)
Dart Beregu (L) Kategori Veteran/Pegawai	501 *Straight Start, Double Finish* (*Best of 3 Legs*)
Dart Beregu Campuran	501 *Straight Start, Double Finish* (*Best of 3 Legs*)

9.4. Giliran memulakan permainan hendaklah ditentukan melalui *Coin Toss* yang ditetapkan oleh Pengadil sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.

9.5. Setiap peserta dibenarkan membuat maksimum tiga (3) balingan bagi setiap giliran.

9.5.1. Sesuatu balingan hanya dikira sah sekiranya dart kekal melekat pada papan dart selepas balingan dibuat.

9.6. Mana-mana dart yang terjatuh daripada papan dart tidak boleh dibaling semula dalam giliran tersebut dan kiraan mata hanya diberikan kepada dart yang masih melekat pada papan dart. Walau bagaimanapun, sekiranya dart yang belum dibaling terjatuh, dart tersebut boleh diambil semula.

9.7. Sekiranya Pengadil atau Pencatat Skor (*Caller/Chalker*) membuat perkiraan yang salah mengenai baki mata, peserta hendaklah memaklumkan kesilapan tersebut supaya diperbetulkan sebelum peserta meneruskan balingannya.

9.7.1. Sekiranya tiada sebarang bantahan dibuat sebelum balingan berikutnya dimulakan, kiraan mata tersebut akan disahkan dan sebarang pindaan atau perubahan terhadap keputusan tidak akan dilayan.

9.8. Sekiranya kedua-dua pasukan gagal menamatkan permainan kerana mendapat *'Mad House',* pemain dibenarkan meneruskan percubaan sehingga pengadil memutuskan bahawa tempoh permainan telah terlalu lama. Pengadil kemudiannya akan memberikan peluang terakhir kepada setiap pemain untuk membuat sebanyak **9 balingan dart (3 pusingan)** bagi menamatkan permainan.

9.9. Sekiranya permainan masih gagal ditamatkan selepas peluang terakhir tersebut, setiap pasukan hendaklah membuat **3 balingan dart**, dan jumlah mata tertinggi yang diperoleh akan menentukan pemenang bagi *leg* tersebut.

9.10. Keputusan setiap perlawanan hendaklah disahkan oleh Pengadil dan ditandatangani oleh peserta yang berkenaan selepas tamat perlawanan.

10. PAKAIAN PERTANDINGAN

10.1. Semua pemain hendaklah berpakaian kemas semasa pertandingan dijalankan. Pemakaian Kemeja-T tanpa kolar, seluar *'jeans'*, seluar pendek dan selipar / sandal tidak dibenarkan sama sekali.

10.2. Pemain daripada agensi yang sama hendaklah memakai pakaian pertandingan yang seragam.

10.3. Setiap pemain diwajibkan memakai baju berkolar dan seluar *'slack' / 'tracksuit'* sepanjang perlawanan berlangsung.

10.4. Semua pemain hendaklah memakai kasut sukan yang bersesuaian dan tidak menjejaskan keselamatan atau permukaan gelanggang pertandingan.

10.5. Ketua Pengadil berhak melarang mana-mana pemain daripada mengambil bahagian sekiranya pakaian atau kelengkapan yang digunakan didapati tidak mematuhi Peraturan Pertandingan ini.

11. SYARAT PERTANDINGAN

11.1. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.

11.2. Pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori yang telah didaftarkan dan diluluskan.

11.3. Semua pemain hendaklah bersedia untuk bermain apabila dipanggil oleh Pegawai Teknikal atau Ketua Pengadil.

11.4. Semua pemain hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.

11.5. Semua pemain bertanggungjawab memastikan mereka berada dalam keadaan sihat dan cergas sebelum mengambil bahagian dalam pertandingan.

11.6. Mana-mana pasukan atau pemain yang menarik diri daripada pertandingan selepas pengesahan penyertaan hendaklah mematuhi ketetapan yang diperuntukkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026.

12. KESALAHAN DAN DENDA

12.1. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi Peraturan Pertandingan ini, Peraturan Am PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.2. Mana-mana agensi yang didapati mengemukakan maklumat palsu atau menggunakan pemain yang tidak layak boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.3. Sebarang salah laku atau tindakan yang berlaku semasa sesuatu perlawanan hendaklah dikendalikan mengikut Undang-undang *World Darts Federation* (WDF) serta keputusan Ketua Pengadil.

12.4. Mana-mana pemain, Pengurus Pasukan atau Jurulatih yang menunjukkan tingkah laku tidak beretika, tidak berhemah atau menjejaskan kelancaran pertandingan boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan, selaras dengan Peraturan Am PSKK 2026.

12.6. Peserta tidak dibenarkan berbincang, menerima bantuan, tunjuk ajar atau buah fikiran daripada mana-mana individu semasa tempoh *in between throws*, kecuali daripada pasangan **beregu** bagi kategori beregu.

12.7. Peserta hanya dibenarkan bertanyakan jumlah mata balingan atau baki mata kepada Pengadil atau Pencatat Skor (*Caller/Chalker*) bagi tujuan menentukan mata penamat. Sebarang bantuan atau cadangan berkaitan strategi permainan atau cara untuk mendapatkan mata penamat adalah tidak dibenarkan.

13. PERTUKARAN PEMAIN

13.1. Pertukaran pemain hanya dibenarkan sebelum sesuatu perlawanan bermula. Sebaik sahaja sesuatu perlawanan dimulakan, sebarang pertukaran pemain tidak dibenarkan sehingga perlawanan tersebut tamat.

13.2. Pertukaran pemain hanya dibenarkan melibatkan pemain simpanan yang telah didaftarkan dan disahkan semasa pendaftaran rasmi pertandingan.

13.3. Penggantian menggunakan pemain yang tidak didaftarkan adalah tidak dibenarkan.

13.4. Sebarang pertukaran pemain hendaklah dipohon dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 sebelum perlawanan bermula.

13.5. Pemain simpanan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Setelah didaftarkan sebagai pemain simpanan, pemain tersebut hendaklah kekal bermain dalam kategori berkenaan sehingga tamat pertandingan.

13.6. Pemain yang telah digantikan tidak dibenarkan mengambil bahagian semula dalam kategori tersebut sepanjang baki pertandingan.

13.7. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak meminta dokumen atau maklumat sokongan sebelum meluluskan sesuatu pertukaran pemain.

13.8. Pertukaran pemain hanya dibenarkan atas faktor kecederaan, masalah kesihatan atau sebab-sebab lain yang munasabah dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

14. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

14.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan menjalankan undian perlawanan mengikut amalan dan format Undang-undang *World Darts Federation* (WDF) yang terpakai.

14.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 adalah berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam kejohanan ini yang tidak tercatat dalam Peraturan Pertandingan ini dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

15. KESELAMATAN

15.1. Pihak penganjur menyediakan perkhidmatan ambulans dan paramedik di tempat pertandingan bagi sebarang kecederaan atau kecemasan yang berlaku ketika pertandingan berlangsung.

15.2. Semua pemain, pegawai pasukan dan peserta hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.

15.3. Semua pemain, pegawai pasukan dan peserta hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.

15.4. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau membatalkan sesuatu perlawanan sekiranya keadaan didapati boleh menjejaskan keselamatan pemain, pegawai atau orang awam.

15.5. Semua peserta bertanggungjawab memastikan keadaan fizikal masing-masing sesuai untuk mengambil bahagian dalam pertandingan serta mematuhi semua keperluan keselamatan yang ditetapkan.

16. PERKARA-PERKARA LAIN

16.1. Semasa permainan berlangsung, pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa kebenaran pengadil.

16.2. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan
harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa pemain / pasukan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan.

16.3. Semua peserta hendaklah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi selain mengekalkan nilai-nilai murni bagi memastikan perjalanan pertandingan PSKK 2026 dilaksanakan dengan baik.